

30 DEC 2000

PPP-Pendidikan

PENYUSUNAN SEMULA POLISI PENDIDIKAN BAHASA BAIK UNTUK SEKOLAH WAWASAN.

KUALA LUMPUR, 30 Dis (Bernama) -- Presiden Parti Progresif Rakyat Malaysia (PPP) Senator Datuk M. Kayveas hari ini berkata, penyusunan semula polisi bahasa dalam sistem pendidikan akan menolong mengikis kebimbangan sekolah-sekolah aliran Cina dan Tamil terhadap Sekolah Wawasan.

Kayveas berkata, konsep Sekolah Wawasan mendapat tentangan sekolah-sekolah vernakular, terutamanya sekolah aliran Cina kerana mereka bimbang ia akan mengikis penggunaan bahasa Cina dan Tamil dalam jangka panjang.

Katanya, bagi memberi jaminan kepada kedua-dua komuniti itu, kerajaan perlu menimbang meminda polisi pendidikan supaya bahasa Inggeris, Cina dan Tamil dijadikan mata pelajaran wajib.

Bercakap pada satu sidang media di sini, beliau berkata, ini bermakna para pelajar wajib belajar dan lulus dua mata pelajaran bahasa sebagai tambahan kepada bahasa Melayu sekarang.

Sebagai contoh, seorang pelajar Cina perlu belajar bahasa Melayu dan Inggeris bersama-sama bahasa Cina yang merupakan bahasa ibundanya, tambah beliau.

Katanya, formula ini baik untuk konsep Sekolah Wawasan dan membantu memastikan bahasa-bahasa lain selain bahasa Melayu terus berkembang.

Selain itu, idea ini juga akan mengeluarkan pelajar-pelajar yang fasih dalam sekurang-kurangnya tiga bahasa dan ini akan membantu mempromosikan perpaduan dan integrasi nasional.

"Bagi menamatkan spekulasi oleh komuniti-komuniti lain (Cina dan India) bahawa kerajaan ada hasrat mengikis bahasa mereka secara perlahan-lahan, ini perlu dilakukan," katanya.

Bagi bahasa Inggeris pula, Kayveas berkata ia juga harus dijadikan mata pelajaran wajib bagi menghentikan kemerosotan kefasihan pelajar-pelajar dalam bahasa itu yang telah mencapai tahap kritikal.

Beberapa pergerakan pendidikan tertentu telah menentang konsep Sekolah Wawasan yang bertujuan menanam perpaduan di kalangan anak-anak muda Malaysia dengan menempatkan dua hingga tiga sekolah daripada medium pengantar berbeza di satu tempat yang sama dan berkongsi kemudahan asas yang sama.

Pergerakan pendidikan Cina, Dong Jiao Zong, terutamanya, telah melahirkan kebimbangan bahawa identiti dan karektor sekolah-sekolah Cina akan terhakis jika mereka menyertai projek-projek Sekolah Wawasan.

Dong Jiao Zong merupakan nama kolektif untuk Dong Jiao yang mengumpulkan lembaga-lembaga pentadbir sekolah-sekolah Cina, dan Jiao Zong yang mewakili guru-guru sekolah Cina.

Mengenai kontroversi berhubung 83 permintaan Suqiu dan permintaan balas Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung, Kayveas berkata sudah sampai masanya semua pihak mengikut kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya menghentikan segala kontroversi.

Katanya, sehingga ini, isu kaum telah dimainkan berulang-kali oleh pelbagai pemimpin dan kumpulan yang hanya menumpukan komuniti masing-masing sahaja.

-- BERNAMA

MLS ES AR